

88 PENCALONAN UNTUK JAWATAN PRESIDEN UMNO

Mahathir kekal tokoh 'favourite'

UM 24 MAR 1987

KUALA LUMPUR 23 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kekal sebagai tokoh 'favourite' dalam pertandingan pucuk pimpinan UMNO dengan menerima 88 pencalonan — lebih 51 pencalonan daripada yang diperolehi oleh Tengku Razaleigh Hamzah yang disebut bakal pencabarnya untuk jawatan Presiden UMNO.

Keputusan pencalonan yang diterima apabila kesemua 133 bahagian UMNO selesai mengadakan mesyuarat semalam menunjukkan Perdana Menteri 'menang dalam pusingan pertama' dengan menerima sokongan menggalakkan untuk mempertahankan kedudukannya sebagai orang nombor satu dalam parti dan kerajaan.

Tengku Razaleigh Hamzah memperolehi 37 pencalonan, yang menurut kalangan yang rapat dengannya adalah sesuatu yang tidak diduga yang mungkin memberangsangkannya untuk 'berentap' dengan Datuk Sri Dr. Mahathir untuk menerajui negara dan parti.

"Anak Raja Kelantan" itu menerima sokongan agak padu daripada bahagian-bahagian UMNO di negerinya dan juga di Johor — kubu kuat Timbalan Presiden UMNO, Datuk Musa Hitam, yang telah mengisytiharkan sokongan terbuka dalam usaha Tengku Razaleigh merebut kerusi Presiden UMNO.

Namun begitu, dua bahagian di Johor iaitu Batu Pahat dan Pulai dan Rantau Panjang, Tanah Merah dan Macang di Kelantan masih mahu Datuk Sri Dr. Mahathir memegang tampuk pemerintahan dengan mencalonkannya.

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Mahathir kekal tokoh 'favourite'

UM 24 MAR 1987

Sungguhpun jumlah pencalonan tidak mencerminkan undi yang akan diperolehi oleh seseorang, ia merupakan garis kasar yang mencerminkan populariti seseorang tokoh itu. Berdasarkan pencalonan itu juga, sasaran kempen akan ditunjukkan dalam tempoh sebulan ini untuk 'memujuk' 1,500 orang perwakilan yang akan mengundi dalam perhimpunan agung pada 24 April.

Datuk Musa Hitam dan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba masing-masing menerima satu pencalonan untuk kerusi Presiden.

Bekas Timbalan Perdana Menteri yang telah mengumumkan cuma bertanding mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden menerima pencalonan daripada UMNO bahagian Johor Bahru manakala Timbalan Perdana Menteri menerima pencalonan daripada bahagian Selandar di Melaka.

Bagi jawatan Timbalan Presiden, Encik Ghafar mendahului senarai dengan mendapat 75 pencalonan. Ini diikuti oleh Datuk Musa dengan 49 pencalonan dan dua pencalonan untuk Tengku Razaleigh. Lima bahagian iaitu Pengkalan Cepa dan Kok Lanas, di Kelantan, Keluang dan Sri Gading di

Johor dan Hulu Langat di Selangor tidak membuat sebarang pencalonan untuk kerusi Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden dan Majlis Tertinggi UMNO.

UMNO bahagian Kuantan pula diarahkan supaya mengadakan semula mesyuarat perwakilannya pada 5 April setelah didapati lapan buah cawangannya yang tidak berdaftar menghadiri sidang perwakilan bahagian pada 1 Mac lalu. Ini bermakna 127 bahagian telah membuat pencalonan. Daripada jumlah itu, Perdana Menteri menerima pencalonan daripada lapan daripada 11 bahagian di Pulau Pinang, 21 daripada 22 bahagian di Perak, 12 daripada 14 bahagian di Selangor, tujuh daripada lapan bahagian di Wilayah Persekutuan termasuk Labuan, enam daripada 10 bahagian di Pahang, empat daripada lapan di Terengganu, enam daripada tujuh di Negeri Sembilan, tiga daripada lima di Melaka, dua daripada 18 di Johor dan tiga daripada 13 di Kelantan. Tengku Razaleigh pula mendapat tiga pencalonan bagi jawatan Presiden di Pulau Pinang, dua di Perak, lapan di Kelantan, empat Terengganu, tiga di Pahang dan masing-masing satu di Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Untuk jawatan Timbalan Presiden, Encik Ghafar menerima 13 pencalonan daripada Kedah, 20 di Perak, enam di Wilayah Persekutuan, enam di Pulau Pinang, dua di Perlis, tiga di Kelantan, empat di Terengganu, 10 di Selangor, lima di Negeri Sembilan, tiga di Melaka dan masing-masing satu di Labuan dan Johor. Datuk Musa mendapat satu di Kedah, lima di Pulau Pinang, tiga di Perak, satu di Wilayah Persekutuan, tujuh di Kelantan, empat di Terengganu, enam di Pahang, tiga di Selangor, dua di Negeri Sembilan, dua di Melaka dan 15 di Johor.

Tengku Razaleigh turut menerima pencalonan masing-masing satu daripada Johor dan Kelantan.

Encik Ghafar Baba pula turut dicalonkan untuk kerusi Naib Presiden dengan menerima 10 pencalonan iaitu enam daripada Johor, satu daripada Wilayah Persekutuan, dua daripada Kelantan dan satu di Pulau Pinang.

Tetapi Datuk Abdullah Badawi mendahului senarai dengan mendapat 73 pencalonan, Encik Anwar Ibrahim 71 pencalonan, Datuk Wan Mokhtar 55 pencalonan, Dato' Sri Ramli Ngah Talib 37 pencalonan, Datuk Sri Sanusi Junid, 35 pencalonan.